

# SIFE UMS bantu komuniti Jalan Sulaman melalui projek Borneo Coco

NST 12-07-2012 7

**KOTA KINABALU:** Students In Free Enterprise (SIFE) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalankan pelbagai projek bagi membantu komuniti di negeri Sabah dan antara projek yang telah dijalankan adalah projek Borneo Coco.

Pada fasa pertama projek Borneo Coco pada tahun 2010, SIFE UMS telah memulakan langkah pertama dengan membantu salah satu gerai di Jalan Sulaman iaitu Sudi Mampir.

Mereka diajar mengenai teknik asas keusahawanan yang mudah seperti mengira untung rugi. Selain itu, SIFE UMS juga membantu mereka membersihkan dan menghias gerai mereka untuk menjadi lebih ceria sekaligus menarik pelanggan ke gerai mereka.

Dari segi pemasaran pula, SIFE UMS telah memasarkan produk mereka di Gaya Street. Hasil bantuan SIFE UMS hasil pendapatan mereka telah meningkat dengan lebih tinggi dan pelanggan mereka mula bertambah.

Kejayaan projek Borneo Coco pada fasa pertama menjadi pembakar semangat kepada SIFE UMS untuk meneruskan projek Borneo Coco fasa kedua. Pada tahun seterusnya 2011, SIFE UMS mengorak langkah lebih jauh lagi dengan membantu semua komuniti peniaga di Jalan Sulaman.

Kali ini SIFE UMS telah melancarkan Kempen 3K iaitu keselamatan, kesihatan dan kebersihan pada setiap gerai di Jalan Sulaman.

Setiap peniaga diajar mengenai aspek keselamatan seperti kepentingan alat pemadam api dan juga cara penggunaannya. Mereka juga diberi apron, sarung tangan, topi serta risalah mengenai keselamatan, kesihatan dan kebersihan.

Pada waktu yang sama, SIFE UMS juga melancarkan kempen "Yes, I can speak and count too".

Semasa kempen ini peniaga diajar asas matematik, konsep untung dan rugi serta Bahasa

Inggeris. Komunikasi bagi mendidik mereka mengendalikan perniagaan mereka dengan teknik yang betul serta cara berkomunikasi dengan pelanggan asing.

Selain itu, mereka juga diberi buku latihan dan rujukan bagi memastikan ilmu ini digunakan secara berterusan.

Pada fasa kedua ini juga, SIFE UMS mengambil langkah yang lebih proaktif bagi mempromosikan perniagaan komuniti Jalan Sulaman dengan kerjasama Jabatan Pelancongan Negeri Sabah.

Bagi meneruskan kesinambungan projek fasa pertama dan fasa kedua, pada tahun ini SIFE UMS telah melancarkan projek Borneo Coco fasa tiga.



SIFE UMS telah menganjurkan Borneo Coco State Conference dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang awam serta mahasiswa dan mahasiswi UMS. Persidangan ini bertujuan membentuk sinergi antara mahasiswa dan komuniti dan membina kemahiran insaniah di kalangan mahasiswa yang bakal menerajui masa depan negara.

Semasa persidangan ini, SIFE UMS telah membantu gerai di Jalan Sulaman menjadi lebih bersih dan menarik sekaligus dapat menarik lebih ramai pengunjung. Hasil daripada persidangan ini juga, produk kreatif daripada bahan buangan di Jalan Sulaman seperti kelapa dan lokan telah berjaya dihasilkan.

Penghasilan produk kreatif ini merupakan salah satu insentif daripada SIFE UMS untuk menyelesaikan masalah pembuangan sampah di Jalan Sulaman dan menjadikannya produk komersial.

Berkat usaha SIFE UMS dan kegigihan komuniti di Jalan Sulaman, beberapa gerai telah berjaya membuka koperasi sendiri dan mendapat keuntungan yang lebih.

**PENERANGAN**  
... salah seorang peserta SIFE UMS memberi penerangan tentang book keeping skills kepada komuniti di Jalan Sulaman.



**KEMPEN ...**  
Salah seorang Peserta SIFE UMS bersama komuniti di Jalan Sulaman semasa menjalankan kempen 3K.